

Pemimpin agama kutuk serangan Mumbai, yakin keharmonian kekal

Oleh SHAMSUL JANGARODIN
shamj@sph.com.sg

PEMIMPIN agama di Singapura yang berbilang kepercayaan sebulat suara mengutuk serangan penganas di Mumbai dan menegaskan keharmonian kaum di sini dapat terus bertahan dan berdiri teguh.

Kenyataan menyelar penggunaan itu adalah penting menurut pemimpin agama dari Persatuan Antara Agama (IRO), kerana ia dapat menghilangkan keraguan atau ke-sangsian terhadap masyarakat Islam di sini.

Lebih 20 pemimpin agama dari IRO membuat kenyataan tersebut sejurus selepas mereka menziarahi

mendiang Lo Hwei Yen di kondominium keluarganya di Lower Delta Road tengah hari semalam.

Turut hadir semalam ialah Mufti Syed Isa Semait.

Mendiang Lo, seorang peguam dengan syarikat Stephenson Harwood, terkorban selepas dijadikan tebusan oleh sekumpulan militan yang menyerang Hotel Oberoi Trident, Mumbai, minggu lalu.

Menurut Imam Masjid Ba'alwie dan anggota IRO, Habib Hassan Al-Attas, perpaduan yang utuh antara pelbagai agama di sini memberikan isyarat jelas bahawa para militan yang berjuang atas nama Islam ini tidak akan menerima sokongan dari mana-mana pihak.

"Islam dan agama-agama lain tidak membenarkan sesiapa pun membunuh manusia yang tidak berdosa, lebih-lebih lagi mereka yang tidak tahu mengapa mereka dibunuh. Ini sungguh menyedihkan.

"Masyarakat Islam harus sama-sama berdiri teguh mengutuk serangan ini dan menjelaskan bahawa Islam melarang keras pembunuhan seperti ini," tambah Habib Hassan.

Sami Buddha Shi Fa Rong berkata para militan ini tidak mencerminkan ajaran Islam yang sebenar.

"Pembunuhan ini bukan kerana agama. Semua ini merupakan salah tanggapan dan pada saya, para militan ini bukan orang Islam," ujar sami dari kuil Hood In Jing She.

Setiausaha Agung Kumpulan Be-

lia Persekutuan Tao (Singapura), Encik Chung Kwang Tong, pula berkata tindakan kejam itu tidak akan sama sekali mengubah pandangannya tentang Islam.

Semasa lawatan tersebut, anggota IRO telah disambut bapa mentua Lo, Encik Stanley Puhaindran.

Setiap anggota IRO juga telah mengadakan bacaan doa secara senyap sambil menghadap keranda mendiang Lo.

Dalam perkembangan lain beberapa pertubuhan Islam setempat turut mengeluarkan kenyataan mengutuk serangan itu.

Kenyataan itu dikeluarkan bersama oleh Angkatan Karyawan Islam (AMP), Persatuan Persaudaraan Pelajar Islam (FMSA), Persatuan Persu-

ratan Pemuda Pemudi Melayu (4PM), Darul Arqam, Persatuan Pelajar-Pelajar Ugama Dewasa Singapura (Perdaus), Pertapis, Lembaga Basiswa Kenangan Maulud (LBKM), Persatuan Ulama dan Guru-Guru Agama Islam Singapura (Pergas) dan Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Singapura (DPPMS).

Menurut mereka, tindakan para militan menyerang pusat Yahudi dan membunuh seorang rabai mencabuli ajaran Islam yang menyeru agar melindungi tempat-tempat penyembahan dan para pemimpin agama.

Mendiang Lo akan dibawa ke Gereja St Teresa tengah hari esok bagi upacara keagamaan sebelum dibawa ke pusat pembakaran mayat Mandai.